

Hanya 0.01 peratus penjawat awam lapor kes rasuah

SPRM minta organisasi beri sokongan budayakan kakitangan sifar sogokan

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendedahkan hanya 0.01 peratus daripada 1.6 juta penjawat awam berani tampil melaporkan perbuatan rasuah dalam jabatan dan agensi masing-masing.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Seri Shamsun Baharin Mohd Jamil, berkata angka itu masih rendah untuk usaha sifar rasuah dalam perkhidmatan awam dapat direalisasikan.

Beliau berkata, walaupun insentif disediakan kepada penjawat awam yang melaporkan kes rasuah, namun data suruhanjaya itu menunjukkan hanya 343 tampil memberi maklumat antara 2012 hingga tahun lalu.

"Penjawat awam perlu faham apabila ditawarkan (rasuah), itu

adalah kesalahan dan perlu dilaporkan dan tindakan boleh diambil.

"Ini akan menyebabkan mereka yang berurusan dengan penjawat awam tidak berani mendapatkan keistimewaan dan kelulusan tanpa peraturan atau prosedur sewajarnya.

"Ini yang mahu kita jadikan budaya dalam penjawat awam, iaitu melaporkan jika ada kes rasuah, sekali gus membersihkan perkhidmatan awam daripada rasuah dan salah guna kuasa," katanya di pejabat SPRM di sini, baru-baru ini.

Shamsun Baharin berkata, insiatif berkenaan selari dengan surat dikeluarkan pejabat Ketua Setiausaha Negara pada 2011 bertajuk 'Garis Panduan-Pengiktirafan Kepada Penjawat Awam Yang

Melaporkan Pemberian Atau Penerimaan Rasuah'.

Surat itu menyatakan penjawat awam yang melaporkan kes rasuah akan menerima jumlah insentif yang sama dengan jumlah rasuah ditawarkan.

Shamsun Baharin berkata, SPRM mengagihkan kira-kira RM600,000 sebagai insentif kepada 343 penjawat awam kerana melaporkan gejala rasuah kepada suruhanjaya itu, sehingga akhir tahun lalu.

Jelasnya, menjadi kesalahan jika tidak melaporkan kes rasuah dan boleh dikenakan mengikut Seksyen 25 Akta SRPM 2009 yang berdepan dengan denda sehingga RM100,000 atau penjara tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya sekali.


Beliau berkata, kes pertama yang membabitkan Seksyen 25 itu adalah kes membabitkan lima kakitangan Kementerian Kewangan yang didenda RM1,500 dan RM2,000 oleh Mahkamah Sesyen

Kuala Lumpur pada Rabu lalu atas pertuduhan gagal melaporkan kesalahan sogokan kepada SPRM sejak dua tahun lalu.

"Gagal melaporkan turut dikesan tindakan kerana ada undang-undang berkenaan dan ini sebagai membuka mata kepada penjawat awam dan orang ramai untuk lebih sensitif serta tampil melaporkan kes rasuah yang berlaku di persekitaran mereka," katanya.

Beliau berkata, organisasi perlu memainkan peranan, iaitu memberi sokongan dan perlindungan kepada kakitangan atau pegawai melaporkan kes rasuah supaya budaya bebas rasuah ini dapat diamalkan pada semua peringkat.

"SPRM memberi jaminan maklumat pemberi laporan tidak akan didedahkan, malah keselamatan mereka diutamakan selari Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan Akta Perlindungan Saksi 2009," katanya. BERNAMA



Ini yang mahu kita jadikan budaya dalam penjawat awam, iaitu melaporkan jika ada kes rasuah, sekali gus bersihkan perkhidmatan awam daripada rasuah dan salah guna kuasa.

Shamsun Baharin Mohd Jamil,
Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM